



Perpustakaan Tun Seri Lanang
Bahagian Koleksi Arkib

Berita Harian
U. Malaysia
New Straits Times

Berita Minggu
 M. Malaysia
 The Star

Tarikh: 15/10/04 Ms: 15 Ruangan: Rencana : UKM

Graduan sains kesihatan bersekutu masih kurang

Oleh Mohd Feroz Abu Bakar

KEMENTERIAN Pengajian Tinggi sebelum ini mengumumkan pertambahan 1,420 tempat baru bagi pengajian bidang perubatan dalam tempoh lima tahun akan datang di enam universiti awam menjadikan 6,045 tempat di fakulti terbabit, berbanding jumlah asal 4,625 tempat.

Peningkatan 31 peratus tempat sehingga Sesi Akademik 2007/2008 itu membabitkan Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaysia Sabah, Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Universiti Putra Malaysia (UPM).

Peluang bagi program doktor perubatan itu tidak termasuk tempat yang disediakan di tujuh institusi swasta, iaitu Royal College of Medicine Perak, Universiti Perubatan Antarabangsa, Alliance College of Medical Sciences, Penang Medical College, Malacca-Manipal Medical College, Asian Institute of Medicine, Science and Technology dan Monash University Malaysia.

Menyedari peluang untuk ke program perubatan tidak dapat memenuhi permintaan, pelajar program prauniversiti perlu didedahkan dengan kerjaya lain berkaitan perubatan yang juga tidak kurang menarik dan penting untuk meningkatkan taraf hidup manusia.

Naib Canselor UKM, Prof Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Yasin, berkata graduan bidang sains kesihatan bersekutu juga mempunyai permintaan tinggi dalam pasaran, bahkan lulusan bidang itu tidak pernah mencukupi permintaan sektor pekerjaan terbabit.

Katanya, dengan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap pencegahan penyakit, orang ramai lebih prihatin untuk mendapatkan nasihat pakar mengenai pemakanan sihat, senaman, pengambilan vitamin dan makanan tambahan serta ubat-ubatan selamat.

Perkembangan itu menuntut kewujudan ahli yang menyokong doktor perubatan seperti ahli farmasi, ahli optometri, ahli dietetik, ahli pemakanan, ahli sains bioperubatan, ahli audiologi, ahli sains pertuturan, ahli pengimejan diagnostik dan radioterapi, ahli fisioterapi, ahli sains kesihatan persekitaran, ahli terapi cara kerja dan ahli sains forensik.

Selain UKM, universiti lain yang menawarkan program ijazah sarjana muda dalam bidang sains kesihatan bersekutu ialah UM, USM, UPM, Universiti Teknologi Mara (UiTM), Kolej Universiti Antarabangsa Sedaya serta Kolej Universiti Teknologi dan

Pengurusan Malaysia.

Dekan Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu, UKM, Prof Dr Mohd Azman Abu Bakar, berkata pelajar cemerlang peringkat matrikulasi boleh memilih bidang pengajian sains kesihatan bersekutu yang juga menawarkan imbuhan yang lumayan seperti doktor perubatan dan pergisian.

Beliau menghuraikan 10 bidang sains kesihatan bersekutu yang sudah ditawarkan di UKM dan kerjaya yang berkaitan. Antaranya:

● Ahli sains bioperubatan berperanan sebagai pegawai sains di makmal hospital dan mereka perlu terbabit dalam analisis sampel seperti tisu, darah, cecair tubuh, merancang pengendalian dan mengawal mutu analisis serta menulis laporan analisis dan menyelidik.

Selain hospital dan makmal diagnostik, mereka bertugas di institusi penyelidikan seperti Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (Mardi) atau Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim);

● Ahli optometri adalah pengamal kesihatan utama yang mengesan keadaan tidak normal pada sistem penglihatan termasuk masalah refraktif dan binokular serta merawat masalah berkenaan dengan menpreskripsi alat bantuan penglihatan atau kaedah terapi lain.

Graduan bidang ini juga perlu memastikan tahap kesihatan okular dengan mengesan keadaan berpatologi pada mata dan persekitarannya untuk merujuk mereka yang memerlukan rawatan pakar bedah mata. Mereka biasanya bertugas di hospital atau membuka perniagaan sendiri;

● Pegawai farmasi bertanggungjawab memberi maklumat dan tunjuk ajar kepada pesakit dan masyarakat dalam aspek pengambilan dadah untuk melawan penyakit. Selain bekerja dengan Kementerian Kesihatan, kebanyakan ahli farmasi mengusahakan perniagaan sendiri;

Ahli dietetik pula memainkan peranan penting dalam penjagaan makanan pesakit atau individu yang memerlukan pengubahsuaian diet.

Ini disebarkan mereka terbabit dalam penyaringan status pemakanan pesakit, menentukan keperluan makro dan mikronutrien, merancang diet atau menu bersesuaian, menyampaikan nasihat diet dan seterusnya memantau keberkesanan regim diet.

● Ahli dietetik bertugas di klinik pesakit luar atau dalam wad, terbabit dalam perkhidmatan catering di hospital dan institusi penjagaan makanan komuniti. Mereka biasanya bekerja di hospital dan juga menjadi penga-

mal persendirian;

● Sains pemakanan pula bersifat multidisiplin kerana bidang ini berkaitan kesan makanan dan nutrien kepada kesihatan manusia. Bidang itu mengintegrasikan pengetahuan biokimia, fisiologi, genetik, mikrobiologi, sains makanan, psikologi, sosiologi dan antropologi, biostatistik dan bidang lain yang boleh menambah kefahaman terhadap faktor yang mempengaruhi bekalan, kebolehdapatan dan metabolisme makanan. Mereka menjadi penyelidik di sektor awam atau swasta;

● Audiologi pula adalah bidang kesihatan yang berkaitan dengan pencegahan, penilaian dan pengurusan masalah pendengaran. Perkhidmatan yang diberi berbentuk profesional yang berbeza daripada yang dilakukan doktor perubatan kerana ahli audiologi terbabit dalam pemulihan masalah pendengaran.

Bentuk rawatan yang diberikan bukan saja pemasangan alat bantu dengar tetapi juga meliputi kaunseling dan rawatan susulan bagi membantu individu bermasalah. Selain bertugas di hospital awam atau swasta, graduan bidang ini juga boleh bekerja sendiri. ● Kerjaya dalam sains pertuturan pula berkaitan kajian komunikasi normal dan tidak normal kerana takrif patologi pertuturan secara luas merujuk kepada disiplin yang merangkumi, pencegahan dan mengenal pasti masalah komunikasi, penilaian dan pengendaliannya di kalangan kanak-kanak dan dewasa.

Selain daripada bidang patologi pertuturan dan terapeutik, bidang lain yang diajarkan dalam sains pertuturan ialah sains perubatan, linguistik, psikologi, pendidikan khas dan audiologi.

Graduan bidang ini bekerja di pusat pemulihan pertuturan, universiti awam atau swasta dan sekolah kanak-kanak khas dan ahli pengimejan diagnostik dan radioterapi bertugas menghasilkan imej tubuh manusia untuk tujuan mendiagnosis penyakit dengan menggunakan beberapa modaliti pengimejan seperti radiografi, tomografi berkomputer, ultrasonografi, pengimejan radio-nuklid, tomografi pancaran positron dan pengimejan resonan magnet.

Mereka juga boleh mengenal pasti dan melaporkan sebarang keabnormalan yang dicerap di atas imej dan melakukan 'venipuncture'. Di samping itu, mereka berupaya menghasilkan simulator, melakukan perancangan dan rawatan radioterapi ke atas pesakit yang menghidap barah. Selain bertugas dengan agensi kerajaan, graduan bidang ini boleh menjadi usahawan.